

Headline	20 universiti jalin k-sama UGC India		
MediaTitle	New Sabah Times Bahasa (KK)		
Date	16 Apr 2014	Color	Black/white
Section	Semasa	Circulation	22,425
Page No	5	Readership	134,550
Language	Malay	ArticleSize	108 cm²
Journalist	N/A	AdValue	RM 214
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 642



20 universiti jalin k-sama UGC India

GEORGE TOWN: Sebanyak 20 universiti tempatan berse-
tuju menjalin kerjasama den-
gan University Grants Com-
mission (UGC) India bagi
mempergiatkan aktiviti per-
gerakan penuntut antara
Malaysia dan India.

Antara universiti terlibat
ialah Universiti Sains Ma-
laysia (USM), Universiti Sul-
tan Zainal Abidin, Universiti
Teknikal Melaka Malaysia,
Universiti Utara Malaysia
(UUM), Universiti Teknologi
Mara (UiTM) dan Universiti
Teknologi Malaysia (UTM).

Naib Canselor USM Prof
Datuk Dr Omar Osman berka-
ta USM selaku sekretariat

peneraju program kerjasama
itu berharap dalam jangka
masa panjang program itu da-
pat melaksanakan pertukaran
kepakaran penyelidik, tenaga
pengajar dan penawaran pro-
gram pengajian.

“Ini kali pertama ker-
jasama antara institusi pen-
gajian tinggi melibatkan
kumpulan yang besar dan ka-
mi berharap dapat menemui
perancangan strategik bagi
meningkatkan aliran per-
tukaran pelajar antara kedua
pihak,” katanya kepada pem-
berita selepas merasmikan
seminar pelan strategik pen-
didikan di sini kelmarin.

Beliau berkata seminar
dua hari berakhir esok itu an-
tara lain membincangkan hala-

tuju pengajian tinggi bagi
memperkuat pembangunan
nasional antara kedua negara
dan input-perbincangan akan
dikemuka kepada Kementer-
ian Pendidikan.

Tahun lepas 1,000 penun-
tut USM mengikuti program
pertukaran pelajar jangka pan-
jang dan pendek di universiti
sekitar Eropah dan Asia ter-
masuk India.

Sementara itu, Naib
Pengerusi UGC Prof H. De-
vraij berkata usaha itu diharap
dapat membantu mening-
katkan produktiviti dalam
bidang berkaitan dan meng-
galakkan percambahan idea
baru dalam bidang penga-
jian tinggi.-Bernama